



جبا تن كحا كمين شرعية ماليسيا

**KETUA PENGARAH/KETUA HAKIM SYARIE**

Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
Aras 2 & 3, Blok D7, Parcel D,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,  
62677 PUTRAJAYA

Tel.: 03-8886 4800

8886 4888

Faks: 03-8889 1621

email: [ibrahim@esyariah.gov.my](mailto:ibrahim@esyariah.gov.my)

Laman Web: [www.jksm.gov.my](http://www.jksm.gov.my)

JKSM.BPKR/100-5/5/2 Jld. 2 (6)

11 Jamadilakhir 1429H/

15 Jun 2008M

**Y.A.A. Ketua-Ketua Hakim Syarie,  
Mahkamah-mahkamah Syariah  
Negeri-negeri**

**Arahan Amalan No. 5 Tahun 2008  
Panduan Dalam Prosiding Meminta Seorang Wali  
Untuk Mewalikan Anak Perempuannya**

Saya ingin menarik perhatian Y.A.A kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Induk Arahan Amalan Mahkamah Syariah Bil. 1 Tahun 2008 pada 11 Jamadilakhir, 1429H bersamaan 15hb. Jun 2008 telah bersetuju dan mengesahkan bahawa prosiding untuk meminta seorang wali bagi mewalikan anak perempuannya yang melibatkan kes wali enggan mengikut Hukum Syarak, Mahkamah boleh mengarahkan sebanyak 2 kali terhadap wali tersebut agar memberikan perwalian atau mewakilkannya bagi tujuan pernikahan anak perempuannya.

2. Arahan Hakim yang melebihi 2 kali, jika masih tidak dipatuhi oleh wali berkenaan akan menyebabkan wali tersebut berstatus wali fasiq. Justeru itu, kuasa wali semasa itu akan berpindah kepada wali *ab'ad* dan bukannya wali hakim/ wali Raja.

Arahan ini berkuatkuasa mulai 26 Julai 2010.

**(Tan Sri Ibrahim Lembut)**  
Ketua Pengarah/ Ketua Hakim Syarie  
Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia  
PUTRAJAYA